A

Sivanesan a/l Chandran lwn S Vemalah a/p Selliah

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PETISYEN PERCERAIAN NO MT(4) 33–359 TAHUN 2008
KAMARDIN HASHIM PK
30 OCTOBER 2009

C

Undang-Undang Keluarga — Perceraian — Petisyen — Permohonan nafkah — Sama ada responden membuat sumbangan kepada rumah matrimoni — Sama ada responden layak untuk mendapat bahagian — Sama ada responden membuktikan pempetisyen menyimpan barang-barang kemas responden — Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss 76 & 78

D

Pempetisyen telah memfailkan petisyen perceraian ini memohon perintah mahkamah untuk membubarkan perkahwinannya dengan responden. Pempetisyen juga memohon bahawa responden menandatangani dokumen-dokumen yang relevan membolehkan pempetisyen memindah hak milik kenderaan ke atas namanya dan hak milik separuh bahagian kepunyaan responden yang terletak di atas HS(D) 412147 PTD 79169 Daerah Kulai, Johor dengan sebuah rumah teres dua tingkat yang dikenali sebagai No 12097, Jalan Cenderawasih 4, Bandar Putera Kulai, 81400 Johor ('rumah tersebut') ke atas nama pempetisyen. Dalam jawapan kepada petisyen, responden bersetuju supaya perkahwinan mereka dibubarkan. Responden juga bersetuju supaya pempetisyen terus menyelesaikan pembayaran ansuran untuk kereta tersebut dan responden akan menukar milik kereta itu kepada nama pempetisyen. Responden sebaliknya menuntut terhadap separuh bahagian dalam rumah tersebut. Responden juga menuntut nafkah untuk dirinya serta menuntut sebahagian wang simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atas nama pempetisyen serta menuntut balik semua barang kemas kepunyaan beliau. Tiga isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah dalam kes ini iaitu: (a) isu mengenai nafkah; (b) isu mengenai tuntutan terhadap rumah tersebut; dan (c) isu mengenai barang-barang kemas.

H

Diputuskan, membenarkan sebahagian tuntutan pihak-pihak:

(1) Punca kepada kepecah belahan perkahwinan adalah disebabkan oleh responden yang keluar rumah bersama dengan lelaki lain dan keengganan responden untuk pulang semula ke rumah matrimoni walaupun telah dipujuk oleh pempetisyen. Selain fakta tersebut, mahkamah juga mengambilkira fakta keperluan harian responden dari segi penginapan dan pemakanan untuk beliau, taraf hidup yang pernah dinikmati sewaktu perkahwinan serta kebajikan yang beliau telah berikan terhadap penjagaan rumahtangga beliau walaupun pada

I

waktu yang sama beliau bekerja di Singapura. Fakta responden bekerja dan berupaya untuk menyara hidupnya sendiri tidak menghalang mahkamah memberikan nafkah kepada responden (lihat perenggan 8).

(2) Jumlah nafkah yang perlu dibayar oleh pempetisyen kepada responden bergantung kepada keperluan dan keupayaan pihak-pihak. Responden perlu perbelanjaan untuk menyara hidupnya seperti bayaran untuk sewa rumah, makanan, pakaian, pengangkutan serta lain-lain keperluan secukupnya jikapun tidak sama seperti sewaktu berkahwin. Sementara keupayaan pempetisyen untuk membayar juga harus dipertimbangkan. Amaun nafkah sebanyak RM500 sebulan adalah patut dan munasabah dibayar oleh pempetisyen kepada responden (lihat perenggan 9 & 11).

(3) Responden gagal untuk membuktikan sumbangan yang bermakna beliau terhadap perbelanjaan serta usaha-usaha beliau terhadap penambahbaikan secara substantial terhadap rumah tersebut. Responden gagal untuk membuktikan pengataan beliau terhadap sumbangan RM10,000 untuk pengubahsuaian rumah itu. Sebaliknya keterangan jelas menunjukkan rumah itu telah diperoleh secara 'sole effort' oleh pempetisyen sendiri. Oleh itu, responden adalah tidak layak untuk mendapat apa-apa bahagian atas rumah tersebut (lihat perenggan 13 & 15).

(4) Responden menuntut supaya barang-barang kemas dipulangkan kepada beliau. Pempetisyen menyatakan bahawa semua barang kemas yang dibeli oleh responden telah dipakai semasa responden keluar dari rumah. Pempetisyen menyatakan barang-barang kemas tersebut tidak berada di rumah beliau. Responden gagal membuktikan bahawa pempetisyen masih menyimpan barang-barang kemas kepunyaan responden. Oleh itu responden gagal untuk membuktikan tuntutan beliau terhadap barang-barang kemas tersebut (lihat perenggan 18).

[English summary

The petitioner filed the divorce petition seeking the court's order to dissolve his marriage to the respondent. The petitioner also sought that the respondent sign the relevant documents to enable the petitioner transfer the title of the vehicle to his name and the title to the half share belonging to the respondent located at HS(D) 412147 PTD 79169 Daerah Kulai, Johor with a double storey terrace house known as No 12097, Jalan Cenderawasih 4, Bandar Putera Kulai, 81400 Johor ('the house') to the petitioner's name. In the reply to the petitioner, the respondent agreed that their marriage be dissolved. The respondent also agreed that the petitioner settled the installment payment and the respondent would transfer the ownership of the car to the petitioner. The respondent instead demanded against the half of the share in the house. The

respondent also claimed maintenance for herself and claimed part of the money saved in the Employee's Provident Fund (EPF) in the petitioner's name and also demanded the return of all her jewelleries. Three issues for determination by the court in this case ie: (a) issue with regards to the maintenance; (b) issue with regards to the claim on the house; and (c) issue of the jewelleries.

Held, allowing the parties' claims in part:

(1) The cause of the breakdown of marriage was the respondent who always go out with other men and her refusal to return to the matrimonial house although pleaded by the petitioner. Apart from that, the court also considered the facts of daily needs of the respondent on accommodation and food, the lifestyle enjoyed during their marriage and her contribution in the welfare of the marriage although at the same time she was working in Singapore. The fact that the respondent was working and able to support herself did not hinder the court from granting the maintenance for the respondent (see paras 8).

(2) The amount of maintenance to be paid by the petitioner to the respondent depended on the need and ability of the parties. The respondent needed expenses to support herself, whereas the petitioner's ability to pay should also be considered. The maintenance in the amount of RM500 a month was appropriate and reasonable to be paid by the petitioner to the respondent (see paras 9 & 11).

(3) The respondent had failed to prove substantial contribution towards the expenses and her efforts towards the substantial repair to the house. The respondent had failed to prove her statement of contribution of RM10,000 for the renovation of the house. Instead, the evidence clearly showed that the house had been acquired by the sole effort of the petitioner. Thus, the respondent was not entitled to get any shares on the house (see paras 13 & 15).

(4) The respondent demanded that her jewelleries be returned to her. The petitioner stated that all the jewelleries that had been purchased by the respondent had been taken by the respondent when she walked out of the house. The petitioner stated that the jewelleries were not in his house. The respondent had failed to prove that the petitioner still had the respondent's jewelleries. Thus the respondent had failed to prove her claim on the jewelleries (see para 18).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai petisyen, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 3448–3451.

Kes-kes yang dirujuk

Chin Kin Loy (l) v Cheok Yoke Ting (p) [2004] MLJU 665; [2004] 1 LNS 627, MT (dirujuk)

Koay Che Eng v Linda Herawati Santoso [2004] 6 MLJ 395; [2005] 1 CLJ 247, MT (dirujuk)

Koh Yian Geok v Zulkifli Tan bin Abdullah [1995] MLJU 364; [1995] 3 CLJ 403; [1995] 2 AMR 1525, MT (dirujuk)

Wong Kim Foong (f) v Teau Ah Kau @ Chong Kwong Fatt [1998] 1 MLJ 359; [1998] 1 CLJ 358, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss 76, 77, 78, 106

K Bharathi a/p A Krishnan (Kamarudin Yusof & Associates) bagi pihak pempetisyen.

Pushpalatha Naidu (Pushpa Naidu & Co) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim PK:

[1] Pihak-pihak telah berkahwin secara sah di sisi undang-undang pada 27 Mac 1996 di Pejabat Pendaftar Perkahwinan, Johor Bahru di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Selepas berkahwin mereka telah tinggal bersama di alamat No 12097, Jalan Cenderawasih 4, Bandar Putra Kulai, 81400 Johor. Tiada anak dihasilkan dalam perkahwinan ini walaupun mereka telah tinggal bersama lebih kurang sepuluh tahun.

[2] Sekitar pertengahan tahun 2006, perkahwinan mereka menjadi pecah belah dan akhirnya mereka tinggal berasingan mulai 14 September 2006. Responden telah keluar daripada rumah dan tinggal bersama dengan keluarganya di No 12, Jalan Pertanian 49, Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor manakala pempetisyen terus menetap di rumah matrimoni.

[3] Beberapa percubaan bagi mendamaikan pasangan ini oleh majllis pendamai/tribunal perkahwinan di Johor Bahru di bawah s 106 Akta, menemui jalan buntu. Akhirnya, pada 22 April 2008 pempetisyen telah memfailkan petisyen perceraian secara sebelah pihak di mahkamah ini. Melalui petisyen ini, pempetisyen memohon perintah mahkamah untuk:

(a) Perkahwinan ini dibubarkan;

(b) Responden harus menandatangani dokumen-dokumen yang relevan membolehkan pempetisyen memindah hak milik kenderaan No JGY

8298 jenis KENARI GX (manual) Engine No A042172 Chasis No PM2L902S002042032 ke atas nama pempetisyen;

(c) Responden harus menandatangani dokumen-dokumen yang relevan membolehkan pempetisyen memindah hak milik separuh (1/2) bahagian kepunyaan responden yang terletak di atas HS(D) 412147 PTD 79169 Daerah Kulai, Johor dengan sebuah rumah teres dua (2) tingkat yang dikenali sebagai No 12097, Jalan Cenderawasih 4, Bandar Putera Kulai, 81400 Johor ke atas nama pempetisyen.

[4] Dalam jawapan kepada petisyen, responden bersetuju supaya perkahwinan mereka dibubarkan. Responden juga bersetuju supaya pempetisyen terus menyelesaikan pembayaran ansuran untuk kereta Kenari GX tersebut dan responden akan menukar milik kereta itu kepada nama pempetisyen. Responden sebaliknya menuntut terhadap sebahagian daripada hartanah iaitu sebuah rumah di alamat No 12097, Jalan Cenderawasih 4, Bandar Putra Kulai, 81400 Johor. Responden juga menuntut nafkah untuk dirinya serta menuntut sebahagian wang simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atas nama pempetisyen serta menuntut balik semua barang kemas kepunyaan beliau.

[5] Atas arahan mahkamah, pihak-pihak telah memfailkan ikatan dokumen, ikatan pliding dan kenyataan saksi. Pihak-pihak telah disoal-balas atas kenyataan saksi mereka di mahkamah. Pihak-pihak juga telah memfailkan hujahan bertulis masing-masing.

[6] Tiga isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah dalam kes ini iaitu:

(a) isu mengenai nafkah;

(b) isu mengenai tuntutan terhadap rumah; dan

(c) isu mengenai barang-barang kemas.

ISU MENGENAI NAFKAH

[7] Responden memohon nafkah bulanan sebanyak RM1,000 daripada pempetisyen. Dalam keterangannya responden mengakui bahawa beliau telah keluar rumah bersama seorang bernama Saravanan a/l Narayanasamy pada 14 September 2006 tanpa pengetahuan pempetisyen. Punca pecah belah rumahtangga adalah disebabkan oleh responden keluar dari rumah tanpa keizinan pempetisyen. Selain dari itu pecah belah dan keruntuhan rumahtangga mereka sedikit sebanyak disebabkan ketiadaan anak hasil dari

perkahwinan mereka. Responden bekerja di Singapura sehingga sekarang dan berupaya menyara hidupnya sendiri dengan pendapatan sebanyak RM2,000 sebulan. Responden mendakwa pendapatan pempetisyen sebanyak RM800 sebulan tetapi tiada bukti dikemukakan oleh responden. Pempetisyen pula dalam keterangannya menyatakan beliau bekerja seagai pemandu lori kepunyaan sendiri dengan pendapatan bulanan yang tidak tetap. Pempetisyen perlu membayar ansuran bulanan rumah sebanyak RM1,493 dan ansuran kereta RM569 sebulan. Pempetisyen tidak mampu untuk membayar RM1,000 sebulan sebagai nafkah untuk bekas isteri beliau.

[8] Kuasa mahkamah untuk memberikan nafkah kepada isteri atau bekas isteri diperuntukkan di bawah s 77 Akta. Penentuan kuantum nafkah ditentukan pula berdasarkan kepada perkara-perkara yang diperuntukkan di bawah s 78 Akta. Salah satu fakta yang perlu diberikan perhatian oleh mahkamah adalah fakta pihak mana yang lebih bertanggungjawab kepada keruntuhan dan kepecahbelahan rumahtangga yang didirikan oleh suami isteri tersebut. Mahkamah ini mendapati bahawa punca kepada kepecahbelahan perkahwinan adalah disebabkan oleh responden yang keluar rumah bersama dengan lelaki lain dan keengganan responden untuk pulang semula ke rumah matrimoni walaupun telah dipujuk oleh pempetisyen. Selain fakta punca pecah belah perkahwinan disebabkan oleh responden, mahkamah juga mengambil kira fakta keperluan harian responden dari segi penginapan dan pemakanan untuk beliau, taraf hidup yang pernah dinikmati sewaktu perkahwinan serta kebajikan yang beliau telah berikan terhadap penjagaan rumahtangga beliau walaupun pada waktu yang sama beliau bekerja di Singapura. Fakta responden bekerja dan berupaya untuk menyara hidupnya sendiri tidak menghalang mahkamah memberikan nafkah kepada responden. Fakta responden bekerja hanya berkaitan dalam isu kuantum sahaja. Perkara ini telah diputuskan oleh Abdul Malik Ishak HMT (sekarang HMR) dalam kes *Wong Kim Foong (f) v Teau Ah Kau @ Chong Kwong Fatt* [1998] 1 MLJ 359; [1998] 1 CLJ 358 seperti berikut:

> Another salutary principal which should be repeated is this. The fact that the wife is gainfully employed and has her own income does not disentitle her to maintenance from her husband; nevertheless that quantum of such payment may be reduced. The same argument is even stretched further and it is this. The fact that no maintenance payment is made to her during the marriage does not ipso facto excuse the husband's obligation to provide maintenance for the wife subsequently.

[9] Walau apapun jumlah nafkah yang perlu dibayar oleh pempetisyen kepada responden bergantung kepada keperluan dan keupayaan pihak-pihak.

Responden perlu perbelanjaan untuk menyara hidupnya seperti bayaran untuk sewa rumah, makanan, pakaian, pengangkutan serta lain-lain keperluan secukupnya jikapun tidak sama seperti sewaktu berkahwin. Sementara keupayaan pempetisyen untuk membayar juga harus dipertimbangkan. Yang Arif Raus Sharif HMT (sekarang HMP) menyatakan dalam kes *Koay Che Eng v Linda Herawati Santoso* [2004] 6 MLJ 395; [2005] 1 CLJ 247 seperti berikut:

> What is needed to be decided now is the amount of maintenance to be awarded to the wife. It is an established principle that in deciding what amount of maintenance the husband should pay the wife; the court must take into consideration the means and needs of the parties. In assessing the means and needs of the parties the court has always had regard to the duration of the marriage, whether there were any children of the marriage, the age of the parties, whether the husband had financially supported the wife during the duration of their marriage, the parties earning capabilities and whether the divorce would have affected the husband's position financially.

[10] Di dalam kes *Chin Kin Loy (l) v Cheok Yoke Ting (p)* [2004] MLJU 665; [2004] 1 LNS 627 Yang Arif Hakim Faiza Thamby Chik memutuskan seperti berikut:

> Menurut s 77(1)(b) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 (Akta 164) mahkamah boleh memerintahkan seseorang suami membayar nafkah kepada isterinya apabila memberi sesuatu dekri perceraian. Amaun yang patut dibayar oleh si suami bergantung pada kadar yang ditetapkan oleh mahkamah. Mahkamah biasanya membuat perkiraan mengikut:
>
> (a) kemampuan dan keperluan pihak-pihak dengan tidak mengambil kira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan suami; dan
>
> (b) memberi perhatian terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab menyebabkan kepecahbelahan dalam perkahwinan.
>
> Dalam kes ini ada keterangan yang menunjukkan pihak pempetisyen bertanggungjawab. Kemampuan di sini dimaksudkan termasuklah pendapatan masa kini dan akan datang salah satu pihak atau kedua-duanya, harta atau sumber kewangan lain jika ada. Sementara 'keperluan' pula termasuklah taraf hidup yang dinikmati selama sebagai suami isteri. Saya berpendapat RM25 daripada RM100 pendapatan kasar bulanan suami yang tidak mempunyai anak dan harta adalah adil untuk diberikan kepada responden isteri sebagai nafkah selama respoden isteri tidak berkahwin.

[11] Selepas menimbangkan semua fakta dalam keterangan yang dikemukakan, mahkamah ini memutuskan amaun nafkah sebanyak RM500 sebulan adalah patut dan munasabah dibayar oleh pempetisyen kepada

responden. Adalah dengan ini diperintahkan pempetisyen membayar nafkah RM500 sebulan kepada responden sehingga responden berkahwin semula.

ISU TUNTUTAN TERHADAP RUMAH

[12] Responden menuntut RM100,000 atau 1/2 bahagian rumah matrimoni iaitu No 12097, Jalan Cenderawasih 4, Taman Putra Kulai. Tidak dipertikaikan bahawa rumah tersebut didaftarkan atas nama responden dan pempetisyen dan rumah tersebut termasuk dalam takrifan 'matrimonial property' di bawah s 76 Akta. Pempetisyen menyatakan bahawa walaupun rumah itu didaftar atas dua nama, namun pempetisyen seorang yang telah membuat bayaran terhadap pembelian rumah itu. Pempetisyen yang telah membayar wang pendahuluan (down payment) melalui pengeluaran wang caruman KWSP beliau. Selain dari itu pempetisyen membuat bayaran melalui hasil jualan sebuah rumah beliau yang dulu yang beliau beli sebelum berkahwin dengan responden. Rumah lama beliau di No 173, Jalan Bintang 7, Taman Bintang, 81400 Senai, Johor. Daripada tarikh rumah itu dibeli sehingga ke tarikh pendengaran kes ini, pempetisyen yang membayar ansuran untuk rumah itu sebanyak RM1,493 setiap bulan.

[13] Responden tidak menafikan segala keterangan yang diberikan oleh pempetisyen. Responden mengakui bahawa suaminya tidak pernah meminta wang daripada beliau untuk membayar ansuran rumah tersebut. Apa yang responden menyatakan adalah bahawa beliau telah menyumbangkan wang sebanyak RM10,000 untuk pengubahsuaian rumah itu pada Mac 2006. Walau bagaimanapun, responden gagal menunjukkan sebarang bukti sumbangan beliau sebanyak RM10,000 tersebut. Responden hanya tinggal di rumah tersebut untuk selama tujuh bulan sahaja dan tiada keterangan lain mengenai sumbangan beliau terhadap kebajikan rumah tersebut dan keluarganya. Tiada keterangan bahawa responden telah menguruskan rumahtangga dalam tempoh tujuh bulan beliau tinggal di rumah itu. Sebaliknya keterangan jelas menunjukkan responden bertanggungjawab terhadap kepecahbelahan dan keruntuhan rumahtangga tersebut.

[14] Pada peringkat ini adalah lebih baik mahkamah ini merujuk kepada peruntukan di bawah s 76 Akta mengenai isu pembahagian aset-aset perkahwinan:

> 76 Power for court to order division of matrimonial assets
>
> (1) The court shall have power, when granting a decree of divorce or judicial separation, to order the division between the parties of any assets acquired by them during the marriage by their joint efforts or the sale of any such assets and the division between the parties of the proceeds of sale.

(2) In exercising the power conferred by subsection (1) the court shall have regard to:

(a) the extent of the contributions made by each party in money, property or work towards the acquiring of the assets;

(b) any debts owing by either party which contracted for their joint benefit;

(c) the needs of the minor children, if any, of the marriage.

and subject to those considerations, the court shall incline towards equality of division.

(3) The court shall have power, when granting a decree of divorce or judicial separation, to order the division between the parties of any assets acquired during the marriage by the sole effort of one party to the marriage or the sale of any such assets and the division between the parties of the proceeds of sale.

(4) In exercising the power conferred by subsection (3) the court shall have regard to:

(a) the extent fo the contribution made by the other party who did not acquire the assets to the welfare of the family by looking after the home or caring the family;

(b) the needs of the minor children, if any, of the marriage;

and subject to those considerations, the court may divide the assets or the proceeds of sale in such proportions as the court thinks reasonable; but in any case the party by whose effort the assets were acquired shall receive a greater proportion.

(5) For the purposes of this section, references to assets acquired during a marriage include assets owned before the marriage by one party which have been substantially improved during the marriage by the other party or by their joint efforts.

[15] Peguamcara pempetisyen berhujah bahawa hartanah tersebut telah dibeli secara 'solely' oleh pempetisyen iaitu secara 'sole effort of one party'. Pempetisyen seorang yang membuat bayaran. Tiada bukti sumbangan kewangan oleh responden terhadap hartanah tersebut termasuk untuk kerja-kerja renovasi. Responden juga telah meninggalkan hartanah tersebut dan responden yang lebih bertanggungjawab terhadap keruntuhan dan kepecahbelahan perkahwinan tersebut. Oleh itu, dihujahkan oleh peguamcara pempetisyen bahawa tuntutan responden patut ditolak. Fakta-fakta di atas menunjukkan bahawa responden tidak langsung menyumbang kepada kebajikan keluarga. Permohonan responden untuk mendapatkan RM100,000 terhadap rumah itu secara alternatifnya juga tiada bukti bagaimana responden 'derived at this amount'.

[16] Dalam kes *Koh Yian Geok v Zulkifli Tan bin Abdullah* [1995] MLJU 364; [1995] 3 CLJ 403; [1995] 2 AMR 1525 YA Mohd Ghazali bin Mohd Yusoff PK (sekarang HMP) membuat keputusan berikut di ms 1534:

> With regard to the said house, it is my finding that it was acquired by the sole effort of the petitioner. There is also nothing to show that the petitioner is holding the said house on trust for the respondent. I cannot also find anything to show that the respondent has made any form of contribution towards living expenses for the family or had looked after the home or had cared for the family. That being so I am of the view that it would be inequitable to give an order which would incline towards any form of division of the said house.

[17] Setelah meneliti keterangan kedua-dua belah pihak, mahkamah ini mendapati bahawa responden gagal untuk membuktikan sumbangan yang bermakna beliau terhadap perbelanjaan serta usaha-usaha beliau terhadap penambahbaikan secara substantial terhadap rumah tersebut. Responden gagal untuk membuktikan pengataan beliau terhadap sumbangan RM10,000 untuk pengubahsuaian rumah itu. Sebaliknya keterangan jelas menunjukkan rumah itu telah diperolehi secara 'sole effort' oleh pempetisyen sendiri. Oleh itu, mahkamah ini memutuskan bahawa responden tidak layak untuk mendapat apa-apa bahagian atas rumah tersebut.

ISU BARANG-BARANG KEMAS

[18] Responden menuntut supaya barang-barang kemas dipulangkan kepada beliau. Pempetisyen menyatakan bahawa semua barang kemas yang dibeli oleh responden telah dipakai semasa responden keluar dari rumah. Pempetisyen menyatakan barang-barang kemas tersebut tidak berada di rumah beliau. Responden gagal membuktikan bahawa pempetisyen masih menyimpan barang-barang kemas kepunyaan responden. Oleh itu responden gagal untuk membuktikan tuntutan beliau terhadap barang-barang kemas tersebut.

KONKLUSI

[19] Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas saya membenarkan perintah seperti dipohon dalam petisyen pihak pempetisyen di lampiran 2 bagi prayer di para (a), (b) dan (c). Saya juga memerintahkan pempetisyen membayar nafkah kepada responden pada kadar RM500 sebulan mulai tarikh perintah ini sehingga responden berkahwin semula dengan kebebasan untuk memohon.

A Tuntutan responden terhadap harta sepencarian dan barang-barang kemas ditolak dan saya juga memerintahkan pihak-pihak menanggung kos masing-masing.

Sebahagian tuntutan pihak-pihak dibenarkan.

B

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed

C

D

E

F

G

H

I